

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN MEDAN UJI REGULATORI NEGARA UNTUK MIKROMOBILITI DI SHAH ALAM DAN HARI KESELAMATAN KENDERAAN MIKROMOBILITI PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

---

**SHAH ALAM, 12 MAC 2023** – Majlis Pelancaran Medan Uji Regulatori Negara untuk Mikromobiliti dan Hari Keselamatan Kenderaan Mikromobiliti Peringkat Kebangsaan 2023 telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan pada hari ini di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Medan Uji Regulatori Negara untuk Mikromobiliti di Shah Alam merupakan medan uji pertama yang dilaksanakan untuk pengoperasian kenderaan mikromobiliti. Pelaksanaan medan uji ini bertujuan untuk memantau kebolehlaksanaan operasi penggunaan kenderaan mikromobiliti dari segi penguatkuasaan, perlesenan dan kebolehpakaian infrastruktur berdasarkan garis panduan yang telah disediakan. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui agensi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah bekerjasama dengan Futurise Sdn. Bhd. untuk menyelaraskan usaha-usaha koordinasi antara pihak berkepentingan serta menjalankan pemantauan dan penilaian keberkesanan medan uji ini di Shah Alam.

Pelaksanaan medan uji ini merupakan tindakan susulan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) selepas pengumuman penguatkuasaan larangan penggunaan kenderaan mikromobiliti tertentu di atas jalan raya pada 17 Disember 2021. Dalam proses untuk membangunkan skop medan uji ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan MIROS telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), PLANMalaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Futurise Sdn. Bhd., Persatuan Pengguna Mikromobiliti Malaysia (PPMM), *Malaysia Electric Micromobility Industry Association* (MEMI) serta syarikat-syarikat operator pengendali perkhidmatan kenderaan mikromobiliti termasuk BEAM, TRYKE dan OoGyaa. Semua pihak yang terlibat telah menyumbang kepakaran dalam merangka garis panduan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif dan selamat kepada bukan sahaja kenderaan mikromobiliti tetapi juga kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.



KPKT melalui PLANMalaysia telah merangka Garis Panduan Perancangan (GPP) Laluan Kenderaan Mikromobiliti sebagai salah satu inisiatif untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan infrastruktur dan reka bentuk jalan yang sesuai agar kenderaan mikromobiliti ini dapat beroperasi di kawasan PBT masing-masing.

Selain itu juga, MOT bersama dengan MIROS, Futurise Sdn Bhd dan MBSA turut membangunkan Garis Panduan Medan Uji Regulatori Negara untuk Mikromobiliti di Shah Alam yang akan digunakan untuk menguruskan pengoperasian medan uji ini selain menentukan peraturan-peraturan pelaksanaan yang perlu dipatuhi oleh syarikat operasi pengendali perkhidmatan sewaan kenderaan mikromobiliti. Dalam pada itu, satu jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil dari PBT, MOT, Futurise Sdn. Bhd., MIROS, PLANMalaysia, JPJ dan PDRM akan diwujudkan bagi membincangkan dengan lebih terperinci kawasan yang terpilih dan kategori kenderaan mikromobiliti yang dibenarkan untuk menjalankan medan uji ini agar ianya dapat diumumkan kepada orang ramai dalam masa terdekat.

YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah dalam ucapan beliau telah menekankan bahawa garis panduan yang diwujudkan adalah bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu keselamatan yang berkaitan dengan kenderaan mikromobiliti selain membantu pihak berkuasa tempatan untuk memantau penggunaan kenderaan mikromobiliti di kawasan setempat. Beliau turut menyeru supaya semua pengguna kenderaan mikromobiliti sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan, khususnya pematuhan terhadap pemakaian topi keledar, had kelajuan, penggunaan laluan yang telah dikhususkan dan sentiasa bertolak ansur dengan pengguna jalan raya yang lain.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBrs. Dr. Nor Fuad Abdul Hamid, Datuk Bandar Shah Alam, YBrs. Ir. Ts. Azhar Bin Hamzah, Penanggung Ketua Pengarah MIROS, YBrs. TPr. Haji Hassan bin Yaacob, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan PLANMalaysia dan YBrs. Tuan Rosihan Zain Baharudin, Ketua Pegawai Eksekutif Futurise Sdn. Bhd.

## TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu  
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)  
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor  
T: 016 – 415 4707 | E: nuursakinah@miros.gov.my